Mengekalkan Integriti Kewangan

Bank Negara Malaysia (BNM) terus meningkatkan usaha membanteras jenayah kewangan dengan memperkukuh pematuhan terhadap piawaian antarabangsa, mengoptimumkan penggunaan teknologi dan memperluas kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam melaksanakan strategi pengurangan risiko.

Peranan BNM

BNM ialah pihak berkuasa berwibawa yang menyelia dan mentadbir Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA 2001). BNM bertindak sebagai unit perisikan kewangan (*financial intelligence unit*, FIU) negara dan pihak berkuasa penyeliaan bagi institusi pelapor[1] berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan dan pencegahan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran (*anti-money laundering, countering financing of terrorism and countering proliferation financing*, AML/CFT/CPF). Di samping itu, BNM bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk memastikan pelaksanaan rangka kerja AML/CFT/CPF kebangsaan yang menyeluruh dan mantap serta selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa. Bagi mencapai matlamat ini, BNM memanfaatkan Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Combat Money Laundering, NCC) iaitu sebuah platform antara agensi kebangsaan yang bertanggungjawab terhadap penyelarasan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif AML/CFT/CPF di Malaysia.

Pada tahun 2024, usaha penting ditumpukan kepada kesiapsiagaan untuk menghadapi Penilaian Bersama (Mutual Evaluation, ME) berhubung dengan keberkesanan dan pematuhan Malaysia terhadap piawaian Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF). ME ialah proses penilaian setara yang memberikan tumpuan pada pengurusan risiko, kerjasama antarabangsa, penyeliaan, langkah-langkah pencegahan serta penguatkuasaan. Hasil penilaian ini mampu mempengaruhi reputasi sesebuah negara, keyakinan pelabur, kemudahan menjalankan perniagaan dan kos pematuhan. Negara-negara yang mendapat penarafan ME yang rendah disenaraikan sebagai negara yang mempunyai kelemahan dalam langkah-langkah membanteras jenayah kewangan. Hal ini boleh menyebabkan kesukaran kepada institusi kewangan negara tersebut untuk berurusan dengan bank koresponden asing dan menjalankan urus niaga pada peringkat antarabangsa lantaran pengawasan yang lebih ketat. BNM sebagai pihak berkuasa berwibawa telah bekerjasama dengan pelbagai agensi[2] bagi menjalankan penilaian dalaman untuk menganalisis jurang dan ruang penambahbaikan bagi memperkukuh persekitaran dalam negeri. Sesi kesediaan dan libat urus bersasar dengan lebih 20 agensi telah diadakan sebelum lawatan di premis (*on-site*). Kerjasama ini, serta inisiatif-inisiatif lain yang dilaksanakan oleh BNM sepanjang tahun 2024, menggariskan iltizam Malaysia dalam usaha untuk memperkukuh rangka kerja AML/CFT/CPF negara dan melindungi integriti sistem kewangan.

[1] Institusi pelapor ditakrifkan dalam Jadual Pertama AMLA 2001. Institusi ini termasuk institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank (*non-bank financial institutions*) dan perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditentukan (*designated non-financial businesses and professions*), iaitu peguam, setiausaha syarikat, akauntan, peniaga logam berharga atau batu berharga (*dealers in precious metals or precious stones*), ejen harta tanah berdaftar, syarikat amanah, kasino dan premis perjudian berlesen.

[2] Agensi-agensi ini termasuk Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Salah satu inisiatif utama AML/CFT/CPF ialah pindaan AMLA 2001 yang diluluskan pada bulan Disember 2024. Pindaan ini memperkukuh dan memperjelas (a) prosedur siasatan dan pendakwaan; dan (b) penyeliaan dan pengawalan terhadap institusi pelapor. Pindaan ini bertujuan melaksanakan saranan berdasarkan analisis jurang yang dijalankan oleh NCC berhubung dengan isu dan cabaran pelaksanaan AML/CFT/CPF, menangani isu-isu yang telah dikenal pasti dalam laporan terakhir ME Malaysia pada tahun 2015 serta memastikan penyelarasan terhadap piawaian dan kaedah terkini FATF yang telah dikemas kini antara tahun 2020 hingga 2024. Di samping itu, pindaan perundangan turut dilaksanakan bagi menyelaraskan skop dan liputan kewajipan AML/CFT/CPF bagi peniaga logam berharga atau batu berharga (*dealers in precious metals or precious stones,* DPMS) di seluruh Malaysia.[3] Penambahbaikan selanjutnya juga telah dilaksanakan pada rangka kerja penyeliaan bagi institusi kewangan dan perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditentukan (*designated non-financial businesses and professions,* DNFBP) serta rangka kerja pelaporan pemilikan benefisial. Pelbagai usaha dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman agensi-agensi tentang ancaman, kelemahan dan risiko baharu berkaitan dengan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran (*money laundering, terrorism financing and proliferation financing,* ML/TF/PF). Hal ini dicapai melalui inisiatif oleh Pusat Respon Penipuan Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC)[4] dan Sistem Risikan Jenayah Kewangan Kebangsaan (National Financial Crime Intelligence System, NFIS) termasuk pelaksanaan langkah-langkah lebih meluas seperti perkongsian awam-swasta dan penyeliaan bersama yang memudahkan perkongsian risikan taktikal berkenaan kes, isu serta trend antara pihak penguatkuasa undang-undang dengan institusi pelapor.

Pada separuh kedua tahun 2024, Pelan Hala Tuju NCC 2024-2026 baharu (Pelan Hala Tuju baharu) telah diluluskan dan dilaksanakan. Pelan ini menetapkan pencapaian yang jelas serta parameter panduan dengan sasaran yang boleh diukur bagi memudahkan penentuan keutamaan dan pemantauan berkesan. Pelan Hala Tuju baharu ini terus menyokong strategi menyeluruh Malaysia dalam membanteras jenayah kewangan dengan memberikan tumpuan pada:

- memperkukuh usaha untuk mencegah dan menghalang jenayah kewangan;
- meningkatkan budaya pematuhan dalam kalangan institusi pelapor;
- mempertingkatkan pemahaman terhadap risiko baharu berasaskan perkembangan di dalam dan luar negeri; dan
- meneruskan usaha memupuk kesedaran dan pembinaan keupayaan dalam kalangan ahli NCC.

Pelan Hala Tuju baharu merangkumkan saranan utama daripada Penilaian Risiko Negara 2023 (National Risk Assessment, NRA) yang terkini dan lima penilaian risiko tematik[5]. Penilaian risiko ini memberikan pemahaman menyeluruh tentang persekitaran risiko ML/TF/PF di Malaysia. Butiran lanjut mengenai NRA boleh didapati dalam rencana berjudul "Penilaian Risiko Negara Malaysia yang Kelima Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2023". Pelan Hala Tuju baharu ini memastikan usaha AML/CFT/CPF kekal berkesan dan sesuai dalam menangani dedahan risiko Malaysia dalam keadaan perkembangan dalam negeri, serantau dan dunia. Pelan ini merangkumi pelan tindakan berkaitan risiko, pencegahan, penguatkuasaan, undang-undang, pengawalan dan penyelarasan, serta pembinaan keupayaan dan kesedaran.

Memperkukuh Langkah-langkah AML/CFT/CPF melalui Usaha Bersepadu pada Peringkat Kebangsaan dan Serantau

Pada bulan Ogos 2024, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dengan kerjasama Kumpulan Rangkaian Pegawai Pematuhan (Compliance Officers' Networking Group, CONG), telah menganjurkan International Conference on Financial Crime and Terrorism Financing (IFCTF) selama dua hari. Lebih 700 peserta telah menyertai 13 sesi pleno dan bengkel pimpinan pakar (*masterclass*). Semua sesi ini membincangkan penyelarasan piawaian antarabangsa AML/CFT/CPF dengan persekitaran dalam negeri serta penilaian risiko negara, tematik dan institusi. Wakil daripada BNM serta agensi kerjasama tempatan dan antarabangsa berkongsi pandangan, khususnya mengenai strategi berkesan dan amalan terbaik dalam menangani risiko ML/TF/PF.

[3] Ditambah di bawah Jadual Pertama AMLA 2001 dan tertakluk pada kewajipan pelaporan di bawah Bahagian IV AMLA 2001.

[4] NSRC telah ditubuhkan pada tahun 2022 dan merupakan kerjasama antara Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, BNM, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi.

[5] Penilaian ini termasuk Penilaian Risiko Pembiayaan Percambahan Senjata Pemusnah Besar-besaran (Proliferation Financing Risk Assessment, PFRA), Penilaian Risiko Pengaturan Undang-Undang (Legal Arrangements Risk Assessment, LARA), Penilaian Risiko Entiti Undang-Undang (Legal Persons Risk Assessment, LPRA), Penilaian Risiko Pertubuhan Bukan Berasaskan Keuntungan (Non-Profit Organisations Risk Assessment, NPORA) dan Penilaian Risiko Aset Maya (Virtual Assets Risk Assessment, VARA).



Forum Penyeliaan AML/CFT/CPF pada tahun 2024

Persidangan ini membantu meningkatkan pemahaman dan kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan bagi memperkukuh rejim AML/CFT/CPF di Malaysia.

Dalam bulan Ogos 2024 juga, BNM julung kalinya menganjurkan Forum Penyeliaan AML/CFT/CPF bagi sektor perbankan. Forum ini dihadiri oleh wakil daripada pihak berkuasa penyeliaan serantau termasuk Hong Kong Monetary Authority (HKMA), Otoritas Jasa Keuangan Indonesia (OJK) dan Monetary Authority of Singapore (MAS). Forum ini menyediakan platform untuk mempertingkat kerjasama dan penyelarasan antara pelbagai pihak berkuasa penyeliaan yang mengawasi institusi kewangan yang beroperasi merentas pelbagai bidang kuasa. Hal ini memelihara integriti sistem kewangan dan menyokong usaha membanteras jenayah kewangan pada peringkat antarabangsa.

Pada bulan November 2024, BNM menganjurkan Bengkel Tipologi ke-25 secara bersama dengan Kumpulan Asia/Pasifik bagi Pengubahan Wang Haram (Asia/Pacific Group on Money Laundering, APG). Bengkel ini dihadiri lebih 150 wakil daripada 32 negara anggota, tujuh pemerhati serta lebih 60 peserta daripada sektor swasta. Acara ini merangkumi dua bidang tumpuan iaitu penyalahgunaan entiti korporat dan penipuan yang dijana oleh siber (*cyber-enabled fraud*). Bengkel ini memberi ruang kepada pegawai dan pakar bidang daripada seluruh rangkaian APG untuk berkongsi pengalaman dalam memahami trend baharu serta membanteras aliran kewangan haram di rantau ini.

BNM terus memanfaatkan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan (ASEAN Senior Officials Meetings on Transnational Crime, SOMTC) seiring persiapan Malaysia mempengerusikan ASEAN pada tahun 2025. Usaha-usaha utama termasuk penubuhan kumpulan kerja





Bengkel Tipologi ke-25 pada tahun 2024

di bawah SOMTC yang memberikan tumpuan pada pengubahan wang haram, dengan tujuan memperkukuh kerjasama serantau dan pembinaan keupayaan dalam bidang yang sangat penting ini.

Perkongsian Risikan Kewangan dan Sokongan kepada Penguatkuasaan Undang-Undang

BNM komited dalam perkongsian risikan kewangan melalui fungsinya sebagai FIU. FIU bekerjasama rapat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang (*law enforcement agencies,* LEA) tempatan dan FIU asing bagi menyokong siasatan berkaitan ML/TF/PF. Kerjasama ini penting untuk mengesan dan mencegah ancaman jenayah kewangan yang dilakukan oleh penjenayah dan pengganas yang menyalahgunakan sistem kewangan.

Institusi pelapor terus memperkukuh pematuhan dan menambahbaik mekanisme pengesanan mereka pada tahun 2024. Usaha ini menyumbang kepada peningkatan

trend pelaporan Laporan Transaksi yang Mencurigakan (Suspicious Transaction Reports, STR). Institusi pelapor telah mengemukakan 342,166 STR pada tahun 2024 (2023: 317,435 STR). FIU terus memanfaatkan analitik data untuk mengenal pasti corak dan maklumat dalam STR dengan menggunakan analisis rangkaian serta pengolahan teks (*text mining*) bagi membina profil dan menyaring keutamaan STR berdasarkan risiko. Penipuan merupakan kesalahan disyaki yang paling lazim, mencakupi 24% daripada semua STR. Kesalahan disyaki lain yang dilaporkan termasuk pengubahan wang haram, kesalahan cukai dan jenayah terancang.

Pada tahun 2024, FIU menerbitkan Buku Panduan Laporan Transaksi Mencurigakan yang menggariskan ciri-ciri utama laporan yang berkualiti serta memberikan panduan praktikal untuk membantu institusi pelapor mengemukakan STR yang berkualiti.

FIU berkongsi maklumat risikan kewangan[6] secara aktif dengan LEA dalam negeri dan lebih 30 FIU asing pada tahun 2024 bagi menyokong siasatan kewangan rentas sempadan. Kira-kira 70% daripada perkongsian ini berkaitan dengan jenayah berisiko tinggi[7] (Rajah 1). FIU juga menjalankan sesi perkongsian dan bengkel tentang analisis risikan kewangan secara dua hala dengan LEA yang berkaitan sepanjang tahun 2024. Usaha ini dilaksanakan untuk memupuk kerjasama dan kefahaman lebih baik antara agensi serta memastikan penambahbaikan berterusan dalam pengesanan dan pencegahan ancaman jenayah kewangan.

Rajah 1: Perkongsian Maklumat Risikan Kewangan mengikut Kesalahan Berat pada Tahun 2024



Nota: "Lain-lain" termasuk jenayah berkaitan alam sekitar, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, aktiviti pengiriman wang haram dll.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkongsian risikan ini, bersama-sama dengan kerjasama rapat antara FIU dan LEA, menyokong siasatan jenayah berat seperti penipuan, pengedaran dadah, rasuah, penyeludupan serta jenayah terancang. Perkara ini telah membawa kepada penahanan lebih 200 individu serta pembekuan, rampasan dan pengembalian semula hasil jenayah bernilai lebih RM120 juta. Perkongsian ini turut menyokong pemantauan dan siasatan kes berkaitan keselamatan negara[8].

Langkah-langkah untuk Meningkatkan dan Menyelaras Tindak Balas terhadap Penipuan

Sejak tahun 2013, penipuan kekal sebagai salah satu jenayah berisiko tinggi dalam keempat-empat NRA mengenai ML/TF. NSRC terus memberikan tindak balas dan pengesanan pantas terhadap penipuan kewangan dalam talian dan pada masa yang sama menggunakan pendekatan lebih terselaras bagi mendapatkan kembali dana yang dicuri. Gambar Rajah 1 memaparkan hasil utama NSRC pada tahun 2024.

Bagi memperkukuh usaha membanteras penipuan kewangan dalam talian, BNM, Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dan institusi kewangan telah melancarkan National Fraud Portal (NFP). NFP mempertingkat keupayaan NSRC untuk mengatasi taktik penipuan yang sentiasa berubah-ubah dengan memanfaatkan sistem pembayaran perkongsian PayNet. Kerjasama ini mengukuhkan pertahanan Malaysia terhadap penipuan kewangan dalam talian melalui beberapa ciri utama termasuk:

i) Pengesanan dana merentas bank yang lebih pantas dengan bantuan kecerdasan buatan (*artificial intelligence,* AI) dan automasi. Hal ini mengurangkan masa yang diperlukan oleh institusi kewangan untuk mengenal pasti transaksi yang disyaki sebagai penipuan sebanyak 75%, lantas memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang aliran dana.

ii) Tindakan yang tepat pada masanya oleh institusi kewangan melalui pengesahan pantas terhadap transaksi penipuan yang dilaporkan dan pemantauan kes yang lebih berkesan. Hal ini telah menyebabkan peningkatan purata jumlah bulanan kes yang dikenal pasti[9] sebagai penipuan sebanyak 47%.

[6] Perkongsian risikan kewangan bagi menyokong siasatan penguatkuasaan undang-undang terhadap jenayah kewangan.

[7] Jenayah berisiko tinggi termasuk penipuan, rasuah, jenayah terancang, penyeludupan dan pengedaran dadah seperti yang dikenal pasti di bawah NRA 2023 serta keganasan/pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

[8] Keselamatan negara merangkumi keganasan/pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

[9] Jumlah yang dikenal pasti merujuk pada jumlah dana yang ditahan buat sementara waktu oleh institusi kewangan sementara menunggu arahan penguatkuasaan daripada Polis Diraja Malaysia.

Gambar Rajah 1: Hasil Utama NSRC pada Tahun 2024

Hasil Utama NSRC pada Tahun 2024
Membuka 9,588 kertas siasatan melibatkan penipuan dan mengeluarkan perintah pembekuan ke atas akaun kutipan yang disasarkan melibatkan jumlah sehingga RM8 juta
Mengenal pasti dan mengekang 71,037 akaun keldai yang disyaki bagi mengurangkan peluang untuk pelapisan pindahan wang dan penyembunyian punca dana haram
Menjawab 95,449 panggilan orang awam berkaitan penipuan dalam talian, dengan 40,010 panggilan membabitkan mangsa penipuan

Sumber: NSRC

iii) NFP membantu berkongsi maklumat dan menganalisis dana penipuan dengan menyepadukan transaksi dan data akaun keldai daripada pelbagai sumber. Pengumpulan data yang menyeluruh ini membolehkan NSRC menjalankan analisis dan pengesanan akaun keldai dengan lebih baik. Hal ini terbukti dengan peningkatan sebanyak 65% pada bilangan akaun keldai yang dikenal pasti oleh NSRC.

iv) Pelaksanaan NFP juga disokong oleh protokol yang dipersetujui oleh industri untuk pelaporan dan pengendalian akaun keldai.[10] Protokol ini memudahkan tindakan pantas oleh institusi kewangan untuk mencegah penipuan lanjut menggunakan akaun keldai yang sudah dikenal pasti. Protokol ini juga memastikan pengendalian yang lebih konsisten terhadap akaun keldai merentas pelbagai institusi kewangan bagi mengekalkan akses berterusan terhadap perkhidmatan kewangan asas bagi pemegang akaun keldai.

Penambahbaikan lanjut terhadap NFP akan turut merangkumi tempoh pengesanan yang lebih singkat, integrasi data yang lebih meluas serta penggunaan analisis ramalan untuk meningkatkan pengesanan penipuan dan akaun keldai.

Sebagai sebahagian daripada usaha bersama dan berterusan untuk mencapai kadar pemulangan dana dicuri yang lebih tinggi, pindaan terhadap Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Julai 2024 dan berkuat kuasa pada bulan Oktober 2024. Pindaan ini diperkenalkan untuk mewujudkan satu kesalahan bagi kegiatan akaun keldai dan membenarkan LEA merampas atau menghalang transaksi yang melibatkan dana mencurigakan dalam akaun bank keldai yang disyaki, lantas mengukuhkan tindak balas keseluruhan bagi insiden jenayah kewangan dalam talian.

Menggalakkan Pematuhan AML/CFT/CPF Berterusan oleh Institusi Kewangan dan DNFBP

BNM kekal komited untuk memacu budaya pematuhan AML/CFT/CPF yang mampan dalam kalangan lebih 20,000 institusi pelapor merentas sektor kewangan dan DNFBP. Bagi mencapai matlamat ini, BNM terus menggunakan pelbagai pendekatan penyeliaan dan mempertingkatkan aktiviti penyeliaan berasaskan risiko termasuk memanfaatkan teknologi penyeliaan (*supervisory technology,* SupTech) untuk meningkatkan kecekapan serta keberkesanan. Selain daripada memberikan tumpuan berterusan kepada risiko dan kawalan ML/TF/PF dalam institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM, dua penilaian tematik yang tertumpu pada langkah-langkah anti rasuah dan keberkesanan dalam membanteras TF/PF juga telah dilaksanakan. BNM juga terus memperkukuh penyeliaan terhadap DNFBP.

Pada tahun 2024, BNM memperluas penyeliaan di premis bagi DNFBP sebanyak 12% berbanding tahun 2023, merangkumi 181 institusi pelapor dengan tumpuan terhadap sektor berisiko tinggi (contohnya, peguam, DPMS, setiausaha syarikat, akauntan dan ejen harta tanah

[10] Maklumat lanjut boleh didapati dalam bab "Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap".

berdaftar). Penyeliaan ini termasuk kegiatan penyeliaan bersama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Institut Akauntan Malaysia. Penilaian luar premis (*off-site*) BNM iaitu Laporan Data dan Pematuhan 2024 (Data and Compliance Report, DCR) juga diperluas untuk meliputi 12,000 institusi pelapor merentas lima sektor. Selain itu, BNM memperkukuh jangkaan tadbir urus dengan mewajibkan lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi pelapor yang lebih besar memberikan komitmen serta memperuntukkan sumber yang sewajarnya bagi memacu budaya pematuhan AML/CFT/CPF dalam institusi masing-masing.

BNM terus memantau dan menguatkuasakan piawaian kawal selia untuk mengekalkan integriti serta kestabilan sistem kewangan Malaysia. Selaras dengan iltizam ini, penyelia DNFBP telah memulakan tindakan penguatkuasaan bersifat hukuman (*punitive*) terhadap institusi yang tidak patuh termasuk mengenakan kompaun berikutan kegagalan mengemukakan STR dengan segera.

Untuk terus menggalakkan budaya pematuhan yang kukuh, BNM terus menyertai sesi libat urus dan forum yang diterajui oleh industri. Rencana dengan maklumat yang mencukupi juga telah diterbitkan secara berkala bagi memastikan institusi kewangan dan DNFBP sentiasa menerima maklumat terkini mengenai jangkaan pematuhan serta perkembangan pengawalseliaan.

Langkah Selanjutnya

Pada tahun 2025, BNM akan memberikan tumpuan untuk membuktikan kemampuan Malaysia dalam melaksanakan piawaian antarabangsa AML/CFT/CPF dengan berkesan melalui proses ME FATF, mempertingkatkan kerjasama dengan LEA untuk membanteras jenayah kewangan serta memanfaatkan teknologi dan SupTech, lantas memastikan daya tahan dan pematuhan berterusan dalam menghadapi cabaran yang sentiasa berubah-ubah.